

TARIKH	ISNIN, 28 NOVEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	JEMAAH MENTERI DIGESA ELAK BAZIR DANA AWAM
M/S	8
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Jemaah Menteri digesa elak bazir dana awam

Kajang: Ahli Jemaah Menteri yang akan dilantik diingatkan tidak membazirkan dana awam bagi perbelanjaan tidak perlu, seperti menukar kelengkapan pejabat yang masih elok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata anggota Kabinet juga diingatkan supaya tidak menggunakan peruntukan kerajaan bagi kemudahan peri-

badi, sebaliknya perlu mencari jalan mengatasi lonjakan kos sara hidup dihadapi rakyat.

Beliau yang mengumumkan tidak mengambil gaji sebagai Perdana Menteri antara lain menasihati menteri supaya sentiasa berjimat dan lebih peruntukan perlu dipulangkan kepada golongan susah.

"Kalau boleh jimat, sama ada

RM100, RM1,000 atau RM10,000, ia boleh dipulangkan kepada golongan susah.

"Amalan dari dulu apabila setiap menteri berpindah atau ditukarkan, akan guna RM300,000 hingga RM500,000 untuk baik pulih pejabat, termasuk membeli kerusi dan meja cantik.

"Saya sendiri sudah pulangkan kereta dengan nombor pendaf-

taran BEM 1 yang digunakan sebelum ini, selain akan gunakan kereta sedia ada sahaja dan syarlatnya tidak ada pembelian baharu daripada Pejabat Perdana Menteri (PMO).

"Ini termasuk juga laporan mengenai kerosakan karpet di PMO. Saya sudah arahkan supaya dibaiki dan syarlatkan supaya tiada pembelian baharu. Ini adalah

mesej kepada pimpinan kementerian dan jabatan lain supaya ingat bahawa dalam keadaan serkarang kita patut mulakan budaya baharu," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata demikian selepas Majlis Solat Hajat, Kenduri Kesyukuran dan Doa Selamat di Masjid Ashabus Solihin kelmarin.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM